

Press Clipping

Port Klang Free Zone

Publication: Berita Harian - Colour
Nasional, P. 23 (1 of 1)

Date: November 26, 2007

Urusan di PKFZ kurang seminggu

Pelabur asing tolak dakwaan operasi di zon bebas babitkan banyak kerenah birokrasi

Oleh Suffian A Bakar

SYARIKAT asing hanya mengambil masa kurang seminggu untuk menyelesaikan pelbagai urusan bagi memulakan operasi di Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), sekali gus menolak dakwaan pihak tertentu bahawa urusan memulakan operasi di zon bebas itu membabitkan banyak birokrasi.

Pengalaman itu dialami dan diakui sendiri pengarah syarikat pembekal peralatan paip untuk industri minyak dan gas, KGT yang berpangkalan di Dubai, minggu lalu.

"Dalam masa enam hari segala-galanya siap... pejabat berdaftar dengan talian telefon dan faksimili serta akaun bank. Malah, saya juga mendapat satu set kad perniagaan juga siap tertera nama KGT Sdn Bhd.

"Adalah mudah untuk berniaga di PKFZ. Cuma pengkhabaran ini belum tersebar luas ke dunia luar," kata Heidar Jouyaeyan dalam satu temu

buai di Pulau Indah, Jumaat lalu.

Hadir sama Pengurus Besar Pembangunan Perniagaan Port Klang Free Zone Sdn Bhd, Chia Kon Leong, serta Pengurus Besar Pemasaran dan Komunikasi Korporatnya, Helen How Mei Leng.

Jouyaeyan berkata, kakitangan syarikat itu dari Dubai akan ditempatkan ke PKFZ dua minggu lagi.

Katanya, KGT memerlukan tapak perniagaan di rantau ini, susulan peningkatan permintaan terhadap peralatan paip minyak dan gas di Asia Barat, memandangkan satu daripada pembekal utamanya berpangkalan di Jepun.

Selain Malaysia, beliau berkata, syarikat juga meninjau untuk bertapak di kawasan berhampiran Jepun, khususnya China, tetapi akhirnya memilih PKFZ.

"Salah satu faktor pendorong ialah kami melihat kejujuran dan komitmen tinggi yang ditunjukkan kaucitangan pengendali PKFZ...Kejujuran amat

penting bagi orang Arab," katanya.

Mengenai Zon Bebas Jafza di Dubai, Jouyaeyan berkata ia sudah menjadi terlalu kompetitif berdasarkan senarai menunggu yang panjang untuk memulakan perniagaan di sana.

Sementara itu, Chia berkata, walaupun hanya memulakan operasi 1 November tahun lalu, PKFZ berjaya menarik 30 pelabur dengan nilai pelaburan RM729 juta dan menawarkan 888 peluang pekerjaan.

Pelabur terbesar ialah Akor Kvaerner, pengeluar peralatan laut dalam dengan pelaburan kira-kira RM400 juta.

Beliau berkata, indeks prestasi utama (KPI) PKFZ memberi sasaran mampu berdikari selepas tiga tahun beroperasi dengan menjana pendapatan RM40 juta setahun dan melebihi operasi sekitar RM22 juta.

"Sasaran kami ialah 80 peratus kawasan di PKFZ seluas 400 hektar akan dihuni dalam tempoh lima tahun dengan pendapatan tahunan RM88 juta," katanya.



MUDAH URUSAN: Kecekapan pengurusan di Zon Bebas Pelabuhan Klang mula mendapat kepercayaan syarikat asing.